

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

YBhg Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PERINGATAN MESRA: TEMPOH PENGISIAN PENCAPAIAN KPI

Dengan segala hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas dan memaklumkan bahawa tempoh pengisian pencapaian KPI dan bukti KPI akan berakhir pada **31 DISEMBER 2018 (Isnin)**.

2. Sukacita diingatkan kembali bahawa setiap input pencapaian KPI yang diisi perlulah selari dengan Keberhasilan Strategik (KRA) yang bersesuaian dengan tugas yang dijalankan di setiap PTj dan bukti pencapaian KPI perlu disertakan di ruang yang disediakan.

3. Adalah menjadi tanggungjawab penilai 1 untuk menyemak setiap pencapaian KPI bagi staf di bawah seliaan masing-masing adalah bersesuaian dengan tugas sebelum pengesahan pencapaian KPI dilaksanakan. Perbincangan juga perlu diadakan bersama staf yang dinilai sekiranya perlu sebelum pengesahan pencapaian KPI dibuat.

4. Selain itu, Mesyuarat Pengurusan Universiti (MPU) Bil.7/2018 bertarikh 24 April 2018 telah bersetuju menetapkan bahawa staf yang tidak melalui proses di dalam SPPU akan dikenakan tindakan seperti berikut:

- a) staf tersebut tidak dinilai dan diberi markah serta tiada pergerakan gaji; dan
- b) staf akan diberikan surat amaran dan peringatan sekali sahaja sebelum tindakan tatatertib diambil.

Oleh itu, kegagalan staf melalui proses penilaian dari awal sehingga akhir di dalam SPPU akan menyebabkan perkara 3(a) dan 3(b) akan diambil tindakan.

5. Sehubungan dengan itu, sukacita sekiranya pihak YBhg Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dapat memaklumkan kepada staf disetiap seliaan PTj masing-masing agar dapat melengkapkan proses tersebut dalam tempoh masa yang diberikan. **Pihak Urus Setia tidak akan melanjutkan tempoh pengisian input pencapaian KPI tersebut setelah tarikh tersebut tamat.** Bersama ini disertakan semula jadual pelaksanaan SPPU 2018 untuk perhatian YBhg Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan selanjutnya.

Kerjasama pihak YBhg Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan berkaitan perkara ini amatlah dihargai dengan ucapan ribuan terima kasih.

Urusetia Sistem Penilaian Prestasi Universiti (SPPU)
Bahagian Sumber Manusia
Jabatan Pendaftar
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)